

CITRA LELAKI DULU DAN KINI DALAM PROSA MELAYU: ANALISIS TEORI RELEVANS

*Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal
Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan
Universiti Kebangsaan Malaysia
43600 Bangi, Selangor*

Abstrak

Banyak kajian telah ditulis mengenai wanita tetapi tidak banyak yang dikaji mengenai lelaki. Novel sebagai salah satu bahan korpus mampu menggambarkan lelaki Melayu yang boleh dijadikan rujukan yang menyamai dunia realiti. Budaya Melayu selalu menyanjung lelaki sebagai mereka yang berkuasa, tempat berpaut bagi wanita, kuat, sentiasa ‘tidak bersalah’ dalam tindak tanduk, telah memberikan persepsi seolah-olah dunia ini milik lelaki. Ciri-ciri ini terjelma dalam filem-filem P. Ramlee, drama-drama, novel-novel klasik malah novel-novel popular hari ini. Jelasnya tidak wujud anjakan paradigma pada penilaian terhadap citra lelaki ini. Teori Relevans, teori yang mementingkan pemprosesan maklumat mampu membantu pembaca memahami watak-watak lelaki yang dilakarkan dengan saintifik. Makalah ini melihat citra lelaki Melayu melalui analisis Teori Relevans dengan menggunakan korpus filem dan novel bagi mensahihkan persepsi di atas. Eksplikatur dan implikatur pada mesej yang hendak disampaikan akan dicungkil bagi memudahkan pemahaman pembaca mengenali peribadi lelaki Melayu ini.

Kata Kunci: Implikatur, Eksplikatur, Citra, Korpus

Abstract

Much research has been done and written on women. However, the same cannot be said about men. Novels, as one of the sources of corpus, are able to portray the image of Malay men which to some extent mirrors reality. The Malay culture has always looked at a man as someone who is powerful, strong, a pillar of strength for women to depend on and is always “right” in his actions. All these perceptions give the impression that the world belongs to men, alone. These images are portrayed in such genres as television, classical novels, P. Ramlee films and even popular contemporary novels. It is obvious that there has been no paradigm shift in the portrayal of men in contemporary times. Relevance theory, a theory that focuses on information processing, is able to scientifically guide readers in understanding how these images of men are being portrayed. This article looks at images of men as depicted in films and novels through a relevance theory analysis to reaffirm the above mentioned perception. Explicatures and implicatures in the messages will be explicated to help understand Malay men, in particular.

Keywords: Implicature, Explicature, Depictions, Corpus

PENGENALAN

Gelombang modenisasi menyaksikan gerakan wanita mula berani menongkah arus. Apa yang dimaksudkan di sini ialah kaum wanita telah mula berani menyatakan hak dan perasaan tidak puas hati mereka melalui gerakan-gerakan feminisme. Apa yang mengkagumkan ialah mereka berani menyatakan suara dan hak mereka secara eksplisit. Gerakan ini boleh dikatakan bersifat sejagat dan sebagai kesan positifnya, kaum wanita telah mula mendapat perhatian sewajarnya dari kaum lelaki¹. Bermula dari situ, muncullah wanita profesional yang menduduki jawatan penting dan memberi sumbangan tinggi kepada pembangunan sesuatu negara.

Kesan daripada gerakan ini dapat dilihat antaranya daripada novel-novel popular yang lahir pada alaf ini. Watak-watak wanita digambarkan sebagai 'kuat' dan ini terbukti daripada gambaran wanita yang cecal bertarung di mahkamah syariah, membawa diri meninggalkan suami dengan terus menyambung pelajaran bersama anak yang masih kecil, berani berdepan dengan masalah dan sebagainya (Nor Hashimah & Norsimah, 2005). Jelasnya ada anjakan paradigma dalam kualiti hidup golongan feminin ini. Persoalannya sekarang di manakah perjuangan kaum lelaki? Gerakan maskulin tidak ketara berbanding wanita. Malah tidak banyak yang dibicarakan mengenai lelaki dalam buku atau kajian-kajian ilmiah. Adakah ini bermakna lelaki memang telah selesa dengan kedudukan mereka yang sentiasa dipandang sebagai orang yang di hadapan sama ada dari perspektif agama mahupun budaya Melayu?

Makalah ini cuba menelusuri citra lelaki dulu dan kini. Adakah persepsi stereotaip yang selalu digambarkan seperti *bertanggungjawab*, *ketua keluarga*, *kuat nafsu* dan *berkuasa* masih kekal hingga ke hari ini? Keadaan ini mencerminkan tidak berlakunya anjakan paradigma dalam hidup golongan lelaki ini. Adakah budaya setempat menyebelahi mereka dan tertanam di minda setiap orang bahawa 'itulah lelaki' dan mereka akan terus menikmati persepsi-persepsi itu tanpa perlu sebarang penilaian semua? Makalah ini akan diperkukuhkan dengan data korpus mengenai lelaki korporat Melayu daripada filem tahun 1960an arahan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee sebagai mewakili citra lelaki dulu dan novel popular alaf baru bagi mewakili citra lelaki kini. Pembuktian citra ini akan disingkap daripada ujaran eksplisit dan implisit yang akan dihuraikan menggunakan Teori Relevans (1995).

MASKULIN LAWAN FEMININ

Banyak kajian telah dilakukan mengenai wanita tetapi sebaliknya bagi lelaki. Pemaparan kajian tentang wanita adalah baik bagi memberikan gambaran apakah persepsi sebenar masyarakat Melayu mengenai lelaki dan apa pula pandangan masyarakat mengenai wanita. Sharifah Zaleha dan Rashila Ramli (1998), Nor Hashimah Jalaluddin (2000), Norain Nordin (2000), Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2005) telah menulis mengenai wanita. Sementara Ruzy Suliza Hashim (2003) dalam artikel yang bertajuk '*From the Courts of Malacca to the Twin Towers of Petronas: Charting Masculinities in Malaysian Works*' telah memberikan ulasan mengenai lelaki yang dipaparkan dalam hikayat klasik dan moden. Kebanyakan data yang diperolehi adalah daripada novel klasik, popular dan peribahasa Melayu.

Sharifah Zaleha (1998) telah memperlihatkan watak-watak wanita dalam Sejarah Melayu. Antara gambaran yang dipaparkan ialah wanita boleh dianggap sebagai pengikat hubungan kekeluargaan melalui perkahwinan. Tujuannya adalah untuk mengukuhkan kuasa pemerintah. Wanita juga dilukiskan dengan gambaran negatif seperti wanita dipersembahkan sebagai isteri kepada raja, dijadikan hadiah atau pemberian kepada lelaki, menjadi idaman kaum lelaki, menjadi punca konflik antara lelaki, menjalinkan hubungan luar nikah dengan raja atau pembesar negeri, dan wanita yang sangat mudah dicerai oleh suami tanpa ada sedikitpun kuasa untuk melawan suami. Walaupun ada aspek-aspek positif yang menggambarkan wanita tradisional, namun secara keseluruhannya, wanita dianggap lemah, mudah dimanipulasi dan tidak boleh menentukan nasib sendiri. Justeru, wanita mempunyai kedudukan yang rendah di sisi kaum lelaki.

Kajian mengenai wanita ini dijelaskan lagi melalui tulisan Rashila Ramli (1998). Beliau telah menganalisis watak wanita dalam Hikayat Abdullah melalui artikel yang bertajuk '*Hikayat Abdullah: Pembelaan Wanita di Timur?*' Pendekatan yang dilakukan oleh Rashila adalah pendekatan Orientalis. Berasaskan kajian para orientalis barat seperti Schick (1990) dan Chowdhry (1991), dapatan kajian Rashila mendapati wanita timur dipersembahkan sebagai lemah, boleh dipergunakan, tidak bertulang belakang dan perlu sentiasa dilindungi oleh kaum lelaki.

Norain Nordin melalui kertas projek sarjananya (2000) telah meneliti secara statistik makna peribahasa berdasarkan gender. Daripada 83 contoh peribahasa yang ditelusuri, hanya 11 atau 13% sahaja yang menceritakan perihal lelaki manakala 89% adalah untuk wanita. Malah peribahasa yang menggambarkan lelaki itu bukanlah mengenai menjaga kehormatan ataupun norma-norma sosial sebagaimana keadaannya untuk wanita tetapi lebih kepada kuasa dan kekuatan lelaki.

Nor Hashimah seterusnya melanjutkan kajian Norain dengan memfokuskan kepada unsur-unsur seksis yang ada pada peribahasa. Kajian Nor Hashimah walau bagaimanapun membuktikan bahawa peribahasa yang digariskan dalam masyarakat Melayu bukan semata-mata bersifat seksis tetapi lebih kepada perlindungan pada kaum wanita. Ia lebih merupakan tunjuk ajar bagaimana anak gadis harus bertingkah laku dalam masyarakat Melayu agar dapat diterima oleh masyarakat. Ini seterusnya boleh dikaitkan dengan kajian Mohamed Mansor Abdullah dalam artikelnya yang bertajuk *Konsep Malu dan Segan Orang Melayu Berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama* (1993). Menurut beliau, asas dan nilai keagamaan terpancar pada cara hidup orang-orang Melayu. Menurut beliau lagi, konsep malu dan segan dianggap sebagai nilai yang suci dan murni dan merupakan asas kepercayaan, maka ia diterima oleh masyarakat Melayu sebagai satu nilai mutlak yang luhur dan merupakan maruah bangsanya. Penerimaan konsep begini telah menetapkan dan menentukan cara seseorang individu Melayu bertingkah laku dalam amalannya sehari-hari sehingga dapat memperlihatkan nilai yang suci dan murni dalam seluruh kehidupannya. Justeru, orang Melayu menganggapnya sebagai maruah dan kehormatan bangsa. Konsep malu selaras dengan kehendak pengajaran Islam, sebab itulah ia diamalkan.

Pendapat Mohamed Mansur boleh diperkukuhkan lagi dengan pendapat Mohd. Nor Ngah (1985) dalam artikel yang bertajuk *Islamic World View of Man, Society and Nature among The Malays in Malaysia*. Artikel ini menjelaskan persepsi masyarakat Melayu mengenai wanita dan lelaki dan secara tidak langsung mempengaruhi sistem sosialisasi anak-anak ini. Cara didikan seolah-olah menjadi norma sosial yang dipatuhi hingga ke hari ini. Didikan yang berlandaskan adat, agama dan kepercayaan telah melentur persepsi masyarakat sendiri terhadap lelaki dan wanita.

Dalam masyarakat Melayu, seorang wanita dihormati dan dianggap pasangan yang boleh berkongsi kesedihan, kegembiraan, dan masalah temannya. Bila kecil, adalah menjadi tanggungjawab bapa dan keluarga untuk menyara dan dijaga sehingga berkahwin. Selepas berkahwin, tanggungjawab itu dipindahkan ke suami, jika janda, anak-anak pula yang bertanggungjawab memelihara ibunya. Jika tidak mempunyai anak, adalah menjadi tanggungjawab adik beradik lelaki. Dari buaian hinggalah ke liang lahad, perempuan dalam masyarakat Melayu disokong dan dijaga oleh bapa, abang, suami dan anak. Islam menganggap lelaki dan perempuan sebagai saling melengkapi bukannya sama, ibarat ingin menyamakan bunga ros dengan jasmin. Setiap satu ada warna, bentuk dan kecantikan tersendiri. Perempuan dan lelaki masing-masing ada ciri dan fitur yang tersendiri.

Kajian terkini oleh Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal (2005) melalui artikel *Women and Manifestation of 'KUAT/STRONG' in Popular Novels: A Cognitive Semantics Analysis* menunjukkan telah wujud anjakan paradigma di kalangan wanita sendiri dalam menangani fenomena di dunia ini. Novel popular kini memaparkan wanita sebagai berani bangkit untuk menyatakan hak mereka dan bersemuka dengan masalah. Wanita tidak lagi menjadi bahan injakan kaum lelaki sebagaimana yang tergambar dalam novel-novel klasik sebelum ini.

Secara amnya, kita boleh membuat rumusan bahawa wujudnya perubahan di kalangan wanita sendiri dalam menangani nasib mereka. Kini wanita tidak lagi boleh dianggap sebagai alat pemuas nafsu semata-mata. Wanita telah menjadi golongan yang berdikari dan berpelajaran tinggi. Wanita juga telah menjadi sumber kekuatan ekonomi yang tidak perlu bergantung kepada kaum adam. Bagaimana pula dengan lelaki?

Ruzy Suliza Hashim (2003) telah membandingkan dua zaman mengenai persepsi terhadap lelaki. Zaman klasik yang diwakili oleh novel klasik *Tuhfat al-Nafis* dan *Sejarah Melayu* sementara zaman moden melalui cerita karya Che Husna Azhari dan Syed Adam Aljafri. Kedua-dua penulis ini mempunyai latar belakang Melayu Islam. Lelaki Melayu menurut Syed Adam (1996) adalah lelaki yang mempunyai ciri bertanggungjawab, memahami dan pandai menyesuaikan diri. Sementara Cik Husna (1993) pula menggambarkan wang sebagai kuasa pada lelaki. Ini tidak banyak berbeza dengan gambaran lelaki zaman klasik di mana kuasa mengatasi segala-galanya. Lelaki juga

digambarkan sebagai ‘bernafsu kuda’, kuat, gagah dan patriotik. Mereka selalu dilihat suka memuaskan nafsu sehingga sanggup berkahwin dengan anak dara sunti meskipun kening sudah beruban. Satu kredit yang diberikan pada lelaki pada zaman itu ialah sensitif hingga boleh mengeluarkan airmata dan mampu melayani kerenah orang sakit.

Pendapat Che Husna dan Syed Adam dikukuhkan lagi oleh Ruzy. Ruzy berpendapat memang tidak wujud perubahan dalam perwatakan lelaki Melayu. Ruzy seterusnya mengajak kita menilai kembali peranan lelaki agar dapat bersama-sama mengiktiraf peranan wanita hari ini. Kajian Ruzy ini akan dilanjutkan seterusnya dalam makalah ini, iaitu apakah anggapan penulis tentang lelaki betul atau sebaliknya.

MANIFESTASI CITRA LELAKI DULU DAN KINI

Dua sumber data telah diambil bagi menggambarkan keperkasaan dan kelestarian citra lelaki dalam makalah ini. Sumber data diperolehi daripada filem klasik arahan Allahyarham Tan Sri P. Ramlee yang mewakili gambaran lelaki dulu (1960an) dan tiga buah novel popular yang mewakili lelaki hari ini. Justifikasi kepada pemilihan data-data daripada filem klasik dan novel popular adalah seperti berikut:

- i) Filem-filem Allahyarham P. Ramlee boleh dianggap sebagai mewakili masyarakat Melayu pada awal kemerdekaan. Tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa filem beliau sangat diminati kerana mampu memberi gambaran dunia realiti.
- ii) Bahasa yang digunakan adalah bahasa sehari-hari dan mudah difahami berbanding filem klasik yang lebih awal lantaran pengaruh bahasa Tamil.
- iii) Novel-novel popular alaf baru ini masih lagi berkisar mengenai masyarakat Melayu pada hari ini dengan gambaran hidup Melayu yang praktikal.
- iv) Sekali lagi bahasa yang digunakan adalah bahasa yang mudah, isu yang diketengahkan adalah menarik dan yang penting sekali novel-novel ini ditulis oleh mereka yang berwibawa (dari nama dan jumlah ulang cetak)

Untuk melancarkan perbincangan, sinopsis filem dan novel yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

Keluarga 69 (60an)

Novel ini mengisahkan seorang anak koporat Tuan Bakar bernama Osman yang suka berpoya-poya. Kegemaran Othman adalah melanggan wanita-wanita kelab malam dan meminum minuman keras. Walaupun mempunyai watak yang negatif tetapi Othman mempunyai ciri lelaki Melayu yang menghormati orang tuanya. Dia akan menyerahkan wang gajinya kepada ibunya sebagai wang belanja, menghormati orang-orang yang menyewa rumah sewa ayahnya. Othman satu ketika dihalau oleh bapanya kerana kelakuan tidak senonohnya. Akhirnya Othman menjadi seorang suami yang baik setelah berkahwin dengan emak ibu mertuanya.

Anak Bapak (1960an)

Harun, anak kepada Datuk Mahfiz tuan punya estet (yang dikira golongan korporat waktu itu) seorang yang suka pergi ke kelab malam dan menghabiskan gajinya. Dia suka meminjam wang ceti. Namun begitu, dia mempunyai sifat yang jujur dan suka menolong orang bawahannya. Dia enggan menggunakan wang pejabat bagi melangsaikan hutangnya walaupun dicadangkan oleh Salleh. Harun akhirnya berkahwin dengan Halimah, jururawat Datuk Mahfiz.

Ombak Rindu (2002)

Hafiz seorang ahli korporat telah 'membeli' Izzah dari Kelvin seorang bapa ayam. Izzah dibeli kerana enggan melayan Hafiz di kelab malam dan Hafiz bertindak 'memperkosakan' Izzah dalam keadaan Izzah dimabukkan. Izzah merayu agar Hafiz 'menyimpan' Izzah secara halal dengan menikahnya. Akhirnya Izzah diterima sepenuhnya oleh Hafiz sebagai isteri yang dicintainya.

Salam Maria (2004)

Tan Sri Shariffudin, seorang korporat yang dermawan cuba memujuk Maria Zaitun, pengasas rumah kebajikan di Hutan Beringin berkahwin dengannya. Tan Sri itu telah

menggunakan hartanya sebagai umpan untuk menutup kejahatannya yang membenihkan anak luar nikah dan meragut kesucian anaknya sendiri. Lamarannya ditolak oleh Maria Zaiton.

Pemburu Mimpi (2005)

Novel ini mengisahkan kehidupan keluarga Tan Sri Yaakob terutama anak lelakinya yang hidup berpoya-poya tapi pada masa yang sama mempunyai ciri-ciri dermawan, bertanggungjawab ke atas harta bapanya, anak yang patuh kepada bapanya. Akhirnya kesemua ciri ‘buaya darat’ bertukar menjadi suami mithali.

Manifestasi citra lelaki korporat Melayu dulu dan kini tidak mengalami perubahan yang ketara. Kesemuanya mempunyai gambaran ciri yang sama dari zaman 1960an hingga ke hari ini. Walau bagaimanapun, ciri baik hati, suka menolong, bertukar menjadi suami yang penyayang selari dengan tuntutan budaya masyarakat Melayu jelas kelihatan. Jika dibandingkan dengan cerita klasik Sejarah Melayu dan Tuhfat al-Nafis, minat terhadap seks masih tergambar tapi dengan cara yang lebih eksplisit (lihat bawah).

Apa yang jelas gambaran citra lelaki yang masih sama dari dulu hingga kini ada kaitannya dengan budaya masyarakat Melayu itu sendiri. Lelaki tetap dianggap orang yang mempunyai kuasa, ‘dihalalkan’ tindak tanduk yang negatif atas lesen mereka adalah lelaki. Jadual di bawah mampu menggambarkan ciri-ciri ini.

Ciri-Ciri Maskulin	Citra Lelaki Dulu	Citra Lelaki Kini
Suka pada seks, peminum	✓	✓
Masih mempunyai keperibadian Melayu meskipun ‘nakal’ (bertanggungjawab, memahami dan pandai menyesuaikan diri)	✓	✓
Cenderung menjadi suami yang lebih bertanggungjawab selepas berumahtangga	✓	✓

Kesemua ciri ini dapat dibuktikan seterusnya berdasarkan data dari filem dan novel di atas.

BUKTI EKSPLIKATUR DAN IMPLIKATUR DARI SUDUT PANDANGAN TEORI RELEVANS

Sesuatu kajian linguistik boleh dianggap sebagai saintifik jika mampu memenuhi tiga ciri, iaitu kepada memerhati, menghurai dan menjelaskan fenomena berdasarkan teori yang sesuai. Makalah ini menggunakan kerangka Teori Relevans². Teori ini yang menyangkut komunikasi dan kognisi mampu membantu kita memahami ujaran yang dihasilkan dengan sistematik dan saintifik. Teori ini akan membantu kita memahami ujaran melalui proses-proses yang telah ditetapkan dengan menggunakan konsep-konsep seperti konteks, kesan konteks dan usaha memproses maklumat.

Teori ini menuntut tanggungjawab yang amat berat di pihak penutur kerana teori ini berpendapat penuturlah punca penyebaran maklumat. Dengan mengeluarkan ujaran, penutur dengan secara tidak langsung menuntut perhatian daripada pendengar. Pendengar hanya akan memberikan perhatian kepada apa yang diperkatakan jika ia berbaloi dengan usaha yang diberikan. Di sini jelas menunjukkan bahawa jika ujaran kita hendak mendapat respons yang baik daripada pendengar dan seterusnya menjadi relevans, maka penutur haruslah memastikan ujarannya memenuhi tuntutan itu. Ini selari dengan prinsip relevans tulisan Sperber dan Wilson (edisi kedua, 1995).

Prinsip Utama Teori Relevans

Andaian Asas: Kognisi manusia berorientasikan relevan. Pendengar selalunya akan menumpukan perhatian kepada maklumat yang relevan dengan dirinya.

Kesannya: Dengan meminta perhatian, penutur akan mencipta segala pengharapan yang relevan. Interpretasi yang terbaik adalah interpretasi yang dapat mematuhi pengharapan ini.

Satu kelebihan teori ini berbanding dengan teori pragmatik lain adalah keupayaan penciptanya menyelesaikan masalah bahasa figuratif. Kegagalan Grice (1967 dalam Nor Hashimah 2003) melalui maksimnya menjelaskan masalah bahasa figuratif seperti metafora, hiperbola, ironi dan sebagainya telah diatasi oleh Sperber dan Wilson (1995).

Satu lagi aspek lisan yang menarik yang boleh dikaji ialah eksplikatur dan implikatur. Ujaran yang berbentuk eksplikatur sangat mudah dikesan, bersifat harfiah dan tidak mengandungi maksud yang tersirat. Sementara ujaran implikatur lebih menarik dan mencabar. Implikatur adalah ujaran yang mempunyai maksud yang tersirat. Ujaran implikatur menuntut usaha memproses yang tinggi. Ini dianggap sebagai bertentangan dengan teori relevans. Tetapi kekayaan kesan konteksnya dan konteks persekitaran yang menjadi taruhan telah menjadikan ujaran itu tetap relevan. Buktinya ujaran implikatur seringkali berjaya ditafsir dengan berkesan. Ini membuktikan bahawa tabiat manusia yang mampu mentafsir apa sahaja makna yang cuba disampaikan jika cukup konteks dan kesan konteksnya. Sejauhmana kita boleh berimplikatur. Sperber dan Wilson (1986a) menegaskan:

‘The weaker the implicature – that is, the wider range of roughly equivalent alternative assumptions and conclusions that would have satisfied the hearer that the speaker had observed the principle of relevance – the weaker the speaker’s responsibility for its truth, up to the point where the implicature disappears altogether and the responsibility for the assumptions used and the conclusions drawn from them lies solely on the side of the hearer.’

Kekuatan sesuatu implikatur akan bergantung kepada sebanyak mana maklumat implisit yang cuba disampaikan mampu disingkap oleh pendengar/pembaca. Jelasnya tidak kira sama ada mesej yang disampaikan itu secara eksplisit mahupun implisit, konteks yang melatarinya harus diambil kira dan penutur mesti memastikan yang dia telah membekalkan maklumat yang jelas untuk ditafsir seterusnya oleh pendengar. Sebab itu teori relevans menegaskan:

“If a speaker wishes to constrain the interpretation recovered by a hearer, he must constrain the hearer’s choice of context. And since the constructions we are considering ensure correct context selection at minimal processing cost, they can be regarded as effective means for constraining the interpretation of utterances in accordance with the principle of relevance” (Blackmore 1992, 137).

CITRA LELAKI DAN TEORI RELEVANS

Ada beberapa data yang telah berjaya dikutip dari filem dan novel yang dijadikan sumber data. Data ini seterusnya dikategorikan berdasarkan konsep eksplikatur dan implikatur. Dari sini akan terserlahlah citra lelaki yang cuba dicungkil dari dulu hingga kini. Daripada data yang tersenarai, ada empat kategori lelaki yang boleh ditemui, iaitu:

- i) bernafsu seks,
- ii) kuasa,
- iii) baik hati dan memahami
- iv) dan boleh berubah selepas menjadi bertanggungjawab selepas berkahwin.

Ini semua boleh digambarkan melalui ujaran eksplisit dan implisit.

DATA EKSPLIKATUR DAN IMPLIKATUR – NAFSU SEKS

- i) “Adik kau tu... nampaknya nak pecahkan rekod kita.” Dia menggeleng-geleng kepalanya sambil menuju ke pintu. “Teman wanita baru setiap minggu!” Nadanya takjub. Mereka berjalan keluar dari bilik Alia.
- ii) Beberapa bulan selepas Hayati berkahwin, Ariff cuba kembali kepada kehidupan lamanya. Dia membawa keluar beberapa orang gadis yang pernah didampinginya. Juga beberapa orang lain yang muda dan jelita, sebelum dia berpaling kepada Tuhannya.
- iii) Wanita yang wujud cuma janda-janda glamour, model-model dan *deejay* jelita dan gadis-gadis sosialis yang memburu suami kaya dan ternama sepertinya. Hanif sudah biasa dengan wanita-wanita seperti ini.
- iv) Maafiah Cik Normah, saya belum baligh lagi.
- v) “Ayah...,” kata Hanif, tegas. “Saya dah 34. Lagi tiga bulan, masuk 35 usia saya. Saya dah puas bergelumang dosa, menggauli wanita-wanita cantik.”
- vi) “Tak penat ke dia kunyah gula-gula getah hari-hari?” Ketawanya hambar. “Tak inginkah dia diet yang lebih seimbang?” “Dia tukar teman wanita lebih cepat dari misai aku tumbuh!”

Data di atas membuktikan bahawa melalui ujaran eksplisit, memang seks menjadi sebahagian daripada kehidupan golongan korporat ini. Perkataan-perkataan seperti teman wanita, gadis muda dan jelita, wanita sosialis, janda-janda muda glamour dan model-model adalah bukti wanita yang sering menjadi buruan lelaki korporat. Sama ada si lelaki yang mencari atau sebaliknya, ia mencerminkan bahawa nafsu seks menjadi ciri maskulin yang nyata. Ujaran ini tidak memberikan masalah pada interpretasi makna sebenar kerana dalam konteks hari ini, kehidupan bebas seperti itu telah seolah-olah diterima oleh masyarakat. Apalagi jika ia dilakukan oleh kaum lelaki.

Begitu juga dengan data implikatur. Ujaran implikatur mempunyai dua lapis interpretasi. Pertama mendapatkan andaian implikatur dan kedua kesimpulan implikatur. Berbalik kepada petikan di atas, jika bukti penyingkap maklumat lemah, kemungkinan mendapatkan makna implikatur akan turut menjadi lemah. Dengan itu ujaran implikatur mesti mampu membekalkan konteks kepada pendengar.

i) saya belum baligh lagi

andaian implikatur: masih mentah dan belum wajib berkahwin

kesimpulan implikatur: saya tidak akan berkahwin

ii) Tak penat ke dia kunyah gula-gula getah hari-hari?

andaian implikatur: sering menukar gula-gula yang tawar kepada yang baru yang lebih manis.

kesimpulan implikatur: kerapnya menukar teman wanita setelah jemu dengan yang sedia ada.

Daripada data di atas, ungkapan seperti baligh, bergelumang dengan dosa, mengunyah gula-gula getah dan lebih cepat misai aku tumbuh membawa konotasi makna implikatur. Pendengar harus memahami apa itu baligh. Dalam filem 'Anak Bapak', Harun telah menghina Norma (penyanyi kelab malam) dengan enggan mengahwininya. Maklumat konteks seperti penutur yang nyatanya memang sudah matang yang menolak lamaran itu memang mudah difahami sebagai mempermain-mainkan Normah. Mana mungkin seorang yang matang belum baligh. Tambahan pula, Harun terkenal pula

dengan watak ‘buaya daratnya’. Meskipun mesej yang hendak disampaikan itu secara tersirat, pendengar tidak akan mempunyai masalah untuk memahaminya.

Hanif ialah anak seorang ahli korporat, hidup berpoya-poya dan menganggap wanita adalah pemuas nafsunya. Hubungannya dengan seorang wanita itu tidak pernah lama. Sebab itu penulis menggunakan ungkapan ‘seperti mengunyah gula getah’. Gula getah ialah gula-gula yang sedap di peringkat awal tetapi sangat hambar apabila telah beberapa kali dikunyah. Begitu juga dengan misai seorang lelaki. Paling lama satu minggu jika tidak dicukur, misai akan mula ditumbuh. Hiperbola ini menunjukkan betapa kerapnya Hanif menukar kekasih. Kedua-dua ungkapan ini mampu membekalkan konteks yang baik, melahirkan kesan kognitif yang tinggi dan akhirnya memudahkan pemrosesan maklumat di kalangan pendengar. Tuntutan relevans seperti ujaran bermanifestasi iaitu ujaran yang terang dan nyata walaupun disampaikan secara tersirat telah berjaya disingkap oleh pendengar. Jelasnya ‘nafsu seks’ memang boleh dikatakan sinonim dengan kehidupan lelaki korporat daripada data di atas. Ini sedikit sebanyak mengesahkan dapatan kajian Ruzy (2003) yang memperlihatkan betapa nafsu serakah orang lelaki zaman dahulu hingga ke hari ini masih tetap tidak berubah. Analisis saintifik terhadap data-data dari filem dan novel ini turut mengesahkannya.

EKSPLIKATUR DAN IMPLIKATUR – KUASA

- i) Kalau anak, aku dah benci, dengan kawan-kawan dia sekali aku benci, get out...out!
- ii) Kenapa lelaki bongkak pagi tadi mesti menjadi orang ini? Dan, yang paling teruk, kenapa pagi tadi dia tidak mengesyaki sikap dan wataknya yang bongkak itu sebenarnya menjeritkan “kuasa”? Ya, kuasa dan pengaruh, dan, wang kalau dinilai daripada pakaian reka cipta importnya. Kini, barulah Hayati sedar.
- iii) Hariz! Dia kenal lelaki itu. Dia adalah salah seorang pengunjung kelab malam. Lelaki yang kerap memintanya menemani menari dan bersembang. Semakin ditolak semakin kerap lelaki itu memujuknya. Alasan tidak pandai menari ditolak Hariz dan lelaki itu tidak pernah putus asa. Ketika itu dia berjaya menolaknya tapi kali ini. Izzah gagal mempertahankan kesuciannya.

- vi) "Kalau mak cik nak tahu, lelaki itulah yang menjadi bapa anak saya. Nama dia Tan Sri Saifuddin. Cerita saya lari hari itu saya tipu saja. Dialah yang berjanji nak berkahwin dengan saya, hendak jadikan saya isteri muda, isteri ketiga... selepas itu dia lepas tangan..."
- v) "Kakak tidak tahu, papa dulu... yang mula-mula buat Wati. Apabila Wati cakap kepada mama, mama suruh Wati melakukannya dengan kawan-kawan sekelas Wati. Kata mama, kalau jadi anak, boleh tuduh kawan-kawan kelas Wati yang buat... selepas itu bukan papa saja yang buat, abang pun buat kepada Wati."
- vi) "Kau cantik. Segalanya cantik," ujar Hariz. Ketawanya berdekeh-dekeh. "Dan aku rasa...tak rugi melabur duit kerana kau."
- vii) "Sekarang kau dah selamat. Kau hanya berkhidmat pada aku seorang."
"Kau hanya ada dua pilihan. Menjadi perempuan simpanan aku atau aku hantar semula pada Kelvin."
- viii) Mana mungkin Razak dapat menandingi bosnya- seorang usahawan, jutawan, kakak, berbudi bahasa dan menawan.

Data kategori kedua adalah mengenai kuasa. Kuasa dalam konteks perbincangan di sini merujuk kepada wang ringgit dan kekayaan. Dengan adanya wang manusia boleh membeli apa sahaja. Malah menjadi orang yang digeruni. Mereka yang mempunyai kuasa ini selalunya lelaki dan digambarkan sebagai ego, menunjuk-nunjuk dan suka apabila orang di bawahnya merasa takut. Ungkapan benci, bongkak, tidak putus asa, lepas tangan adalah gambaran yang boleh dikaitkan dengan 'kuasa'.

Orang kaya Bakar telah menghalau Harun dan terus menyita rumah Badim kerana bersubahat dengan Harun. Harun yang degil kerana masih suka berpoya-poya terpaksa akur kepada tindakan bapanya yang mempunyai kuasa terhadap hartanya. Manakala Ariff seorang ahli korporat telah mengambil sikap remeh apabila keretanya melanggar kereta Hayati. Apabila kereta BMWnya tidak terjejas dalam pelanggaran tersebut, dia bertindak meninggalkan Hayati bersama keretanya yang remuk tanpa rasa bersalah. Berlaku pertengkaran antara mereka. Gambaran tentang jenis kereta, pakaian (baju, seluar, tali leher), pen yang digunakan melambangkan dia seorang yang sangat kaya. Tan Sri Saifudin pula menjadi angkuh dengan status dan kekayaannya telah 'mencampakkan' gadis yang dinodainya dan mengandungkan anaknya dengan rasa tidak bersalah langung.

Gadis kampung ini yang terpujuk dengan kemewahan Tan Sri ini terpaksa akur dengan keputusannya. Malah Tan Sri itu juga menodai anak kandungnya sendiri. Di sini sekaligus menggambarkan kuasa boleh ‘menghalalkan’ perbuatan meremehkan orang yang di bawahnya. Maklumat fizikal yang menggambarkan kekayaan ini sangat mudah diproses kerana ia bersifat eksplisit. Makna yang digambarkan adalah jelas secara harfiah dan sangat relevan dan mudah untuk difahami.

Berbanding dengan ujaran implikatur, tidak rugi melabur duit, berkhidmat kepada aku, mempunyai dua pilihan, menandingi adalah ungkapan yang boleh membawa pelbagai interpretasi. Dalam konteks novel ini, kesemua data ini mampu membawa perhatian pembaca kepada konotasi ‘kuasa’ natijah daripada orang yang berwang. Data implikatur adalah seperti di bawah:

- i) tak rugi melabur duit kerana kau.”

andaian implikatur: menyimpan untuk mendapatkan faedah
kesimpulan implikatur: beruntung mendapat Izzah yang masih dara untuk dijadikan perempuan simpanan

- ii) aku hantar semula pada Kelvin.”

andaian implikatur: memulangkan semula kepada Kelvin
andaian implikatur: menjadi pelacur di kelab malam

- iii) Mana mungkin Razak dapat menandingi bosnya- seorang usahawan, jutawan, kakak, berbudi bahasa dan menawan.

andaian implikatur: Razak berjawatan lebih rendah dari bosnya
andaian implikatur: Hayati akan memilih Arif bukannya Razak

Daripada kedua-dua andaian dan kesimpulan implikatur, kita dapat memahami bahawa Izzah dibeli daripada bapa ayam untuk menjadi langganan lelaki korporat, Hariz. Keengganan Izzah melayaninya secara sedar telah menaikkan kemarahannya lalu Hariz bertindak ‘membelinya’. Membeli Izzah bererti Izzah akan menjadi miliknya dan terus berkhidmat dengannya. Kemudian Izzah diberi kata dua sama ada terus melayani nafsu serakahnya atau akan dikembalikan kepada bapa ayam untuk dijadikan pelacur. Walaupun ujaran yang disampaikan secara implisit tetapi ungkapan yang digunakan

mudah untuk diproses kerana andaian hipotesis dan kesimpulannya mudah disingkap. Begitu juga dengan ungkapan seorang usahawan, jutawan, kacak, berbudi bahasa dan menawan. Kesemua ini memberikan implikasi seseorang itu pastinya mempunyai 'kuasa' yang tidak perlu dipersoalkan lagi kehebatannya.

EKSPLIKATUR DAN IMPLIKATUR – BERTANGGUNGJAWAB DAN MEMAHAMI

- i) “Dulu...,” sambung Razis lagi, “saya bekerja dengan Peribumi Construction. Malangnya saya ditimpa kemalangan.” Dia menepuk-nepuk kakinya yang cacat itu. Bila dapat duit pampasan, Encik Ariff galak buka bengkel ni. Dialah yang tambah modalnya,” tambah Razis bangga. “Lepas tu, dia kenalkan kami kepada semua kawan-kawan dia. Kereta-kereta Peribumi semua hantar servis sini.
- ii) “Macam mana dengan suami puan sekarang?” dia bertanya perempuan itu. Nadanya simpati. “Dah boleh bangun?” Ariff menyeluk sakunya dan mengeluarkan dompet. Dia menarik keluar beberapa helai wang kertas satu ratus ringgit. “Nah, ambil ni dulu buat belanja.” “Nanti datang sini tiap-tiap bulan jumpa fomen, ambil gajinya.”
- iii) Pak Dollah memang menghormati Hariz kerana anak muda itu telah menolong cucunya ketika memerlukan rawatan sakit jantung setahun yang lalu. Kejayaan anaknya, Salleh ke luar negara juga atas pertolongan Hariz. Pak Dollah amat bersyukur dan berterima kasih pada majikannya itu.
- iv) Begini, saya berhajat hendak membuat bangunan dua tingkat satu blok di sini. Kalau boleh biar berhampiran dengan rumah ini. Nanti semua orang boleh pindah tinggal di rumah itu, rumah itu dibuat untuk tempat berehat... saya hendak buat tangki air di tempat air terjun itu, selepas itu buat paip air ke rumah. Nanti saya bawa perabot-perabot rumah, katil, almari, meja, kerusi... nanti apinya saya hendak pasang generator pakai minyak disel.”
- v) “Nak tunggu Mahkamah Industri luluskan bayaran pampasan tu, berapa lama?” tanya Ariff. “Kasihlah anak-anak dan isterinya ni. Macam mana dia orang nak hidup?”
- vi) Sejahat-jahat aku, tak pernah aku menggelapkan duit ofis, duit bapak aku Sekali lagi kau berikan nasihat busuk ini, putus sahabat.

Makalah Ruzy (2003) turut menggambarkan watak 'memahami' sebagai salah satu ciri yang ada pada lelaki Melayu. Memahami di sini selalu membawa kepada sifat yang baik hati. Walaupun watak lelaki selalu digambarkan sebagai suka kepada seks dan menunjuk kuasa, lelaki Melayu ini mempunyai satu ciri mulia iaitu baik hati. Meskipun lelaki korporat ini khayal dengan kekayaan yang ada pada mereka tetapi sikap 'murah hati' tetap terserlah. Ungkapan-ungkapan eksplisit seperti memberi modal, menarik wang kertas, membiayai pelajaran ke luar negara, membiayai rawatan dan membina bangunan adalah ungkapan mudah dan eksplisit bagi menggambarkan sifat murah hati semua watak korporat dalam novel dan filem di atas.

Berlainan pula dengan ungkapan implikatur dalam dua data di atas. Data-data implikatur adalah:

- i) "Nak tunggu Mahkamah Industri luluskan bayaran pampasan tu, berapa lama?"

andaian implikatur: mahkamah mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan kes.
kesimpulan implikatur: isteri itu tidak akan mempunyai wang untuk menanggung keluarganya.

- ii) Sejahat-jahat aku, tak pernah aku menggelapkan duit ofis, duit bapak aku
Sekali lagi kau berikan nasihat busuk ini, putus sahabat.

andaian implikatur: menyeleweng dan nasihat yang tidak berguna
kesimpulan implikatur: Harun tidak akan menyeleweng dan sanggup hilang sahabat.

Bagi data (i) dan (ii) ungkapan, 'berapa lama', 'macam mana dia orang nak hidup?', 'menggelapkan duit ofis', dan 'nasihat busuk', memerlukan usaha pemrosesan yang lebih tinggi. Pendengar harus menyingkap hipotesis terlebih dahulu sebelum boleh membuat kesimpulan. Dengan itu maklumat implikatur yang jelas dan mudah dikaitkan dengan konteks akan mampu membantu pendengar mentafsir maklumat dengan lebih berkesan. Jika implikturnya lemah, ketergendalaan komunikasi juga akan menjadi lebih tinggi. Dalam konteks cerita ini maklumat implisit telah digambarkan dengan jelas. Ungkapan-ungkapan di atas telah mengimplikasikan yang lelaki korporat ini mempunyai ciri 'memahami' dan sangat bertimbang rasa. Hipotesis tentang jangka masa menantikan

keputusan mahkamah sudah pasti membawa kepada kesimpulan yang isteri itu akan menderita kesempitan wang. Begitu juga dengan menggelapkan duit ofis dan nasihat busuk mempunyai hipotesis yang membawa kepada penipuan. Sebagai anak, Harun tidak akan sekali-kali pecah amanah. Kesimpulannya, dia sanggup memutuskan persahabatannya dengan Saleh.

Ujaran eksplisit dan implisit ini mengesahkan bahawa konteks, kesan konteks dan kos memproses maklumat adalah penting bagi memastikan mesej yang hendak disampaikan berjaya disingkap oleh pendengar/pembaca dan secara tidak langsung menepati kriteria relevan.

EKSPLIKATUR DAN IMPLIKATUR – BERSEDIA MENGUBAH SIKAP/MENYESUAIKAN DIRI

- i) Ya Allah, fikir Hanif, apakah amalan soleh yang ada pada dirinya sepanjang 34 tahun dia menghuni dunia ini? Bagaimana kalau tiba-tiba, nyawanya diragut seperti nyawa abangnya ini? Apakah amalan solehnya yang boleh ditunjukkan kepada Allah ketika dia disemadikan begini? Bagaimana kalau dia tidak dapat menjawab segala soalan-soalan yang dikemukakan kepadanya di alam barzakh itu nanti, fikir Hanif gerun.
- ii) 10 tahun dia dan Hanif menjadi suami isteri, memang tidak ada apa-apa yang boleh disungutkan. Adik-beradik dan sepupu-sepupu Hanif sendiri sukar mahu mempercayai perubahan Hanif itu. Kalau tidak bekerja, dia jarang sekali keluar rumah. Masa lapangnya dihabiskan untuk isteri dan anak-anaknya.
- iii) Hanif seorang suami yang penyayang, akui Halina penuh kesyukuran. Kalau berjalan, Hanif mesti mahu memimpin tangan walaupun anak sudah berderet. Sesibuk mana pun dia dengan perniagaannya, dia tetap ada masa untuknya dan anak-anaknya. Dia memastikan setiap pagi bersarapan dengan keluarganya. Makan malam sekurang-kurangnya dua atau tiga kali dalam seminggu.
- iv) Balik-balik mabuk, balik-balik mabuk... Sumpah pak saya dah bertaubat...ha macam tulah anak abah. Sekarang saya sudahpun beristeri.

Salah satu ciri positif yang ada pada lelaki Melayu ialah bersedia berubah setelah melalui sesuatu yang menginsafkan atau mendirikan rumahtangga. Ini jelas daripada data di atas. Data-data eksplisit seperti gerun, sukar mempercayai, penuh kesyukuran, adalah

bertaubat ungkapan yang biasa menggambarkan tentang satu-satu perubahan telah berlaku. Hanif dari seorang kaki perempuan dan menganggap perempuan hanya umpama gula getah telah menjadi suami yang penyayang. Sementara Othman pula telah menjadi suami yang baik setelah berkahwin. Dari konteks masyarakat Melayu perkara ini adalah perkara yang biasa berlaku. Dengan sebab itu plot yang menunjukkan kebahagiaan di akhir kehidupan memang dapat diterima oleh pembaca. Penulis telah dapat menggunakan ungkapan eksplisit yang mudah yang tidak memerlukan kos proses yang tinggi.

Secara keseluruhannya sesuatu ujaran yang hendak dikemukakan mestilah mempunyai relevans yang optimum. Ini akan membantu pendengar menyingkap semua maklumat yang hendak disampaikan. Itu juga menjadi faktor kejayaan filem dan novel yang digunakan. Filem-filem P. Ramlee memang tidak perlu dipertikaikan lagi kehebatannya. Manakala novel-novel yang dipilih memang tidak perlu disangsikan lagi mutunya. 'Ombak Rindu' sendiri telah diulang cetak sebanyak sembilan kali. Manakala novel Saleha Husin dan Fatimah Busu memang sering menjadi novel yang popular.

Teori relevans menyarankan sesuatu ujaran itu tidak kira sama ada eksplisit mahupun implisit harus mempunyai klu-klu komunikasi yang boleh membantu pendengar memproses makna yang hendak disampaikan. Relevans yang optimum akan dibekalkan oleh penutur akan mampu menarik perhatian pendengar kerana sesungguhnya pendengar hanya menumpukan perhatian kepada ujaran relevan yang optimum sahaja. Itulah kunci kejayaan pada satu-satu komunikasi.

KESIMPULAN - CITRA LELAKI MASA DEPAN

Dapatan kajian ini dengan ulasan Ruzy (2003) mengenai maskulin boleh dikatakan serupa. Ruzy melihat maskulin melalui hikayat klasik dan cerpen yang ditulis dalam bahasa Inggeris. Sementara kajian ini menumpukan pada filem dan novel moden yang popular dalam bahasa Melayu. Namun begitu hasil dapatan kajian tetap sama. Ini menunjukkan walau dalam bahasa sekalipun pemaparan mengenai lelaki Melayu, asalkan datang daripada budaya yang sama, ia tetap mencerminkan perwatakan lelaki yang kuat nafsu, berkuasa tetapi pada masa yang sama baik hati dan pandai menyesuaikan diri. Ini bermakna akar jati diri Melayu yang terkenal dengan lembut hati masih ada tertanam pada watak-watak lelaki Melayu ini.

Setakat hari ini memang jelas tiada anjakan paradigma langsung pada watak lelaki Melayu, berbanding dengan wanita Melayu yang jelas ada perubahan yang ketara, iaitu daripada wanita yang lemah dan menjadi objek seks kepada wanita yang kuat, berpelajaran dan berdikari. Malah dalam kehidupan sehari-hari, wanita Melayu telah mula berani menyuasakan hak demi kehidupan mereka sendiri. Keadaan ini tidak pula berlaku pada lelaki. Kaum lelaki tetap merasakan mereka mengatasi kaum wanita kerana kedudukan mereka diwarnai oleh budaya Melayu yang memang meletakkan lelaki di atas wanita.

Jika berbalik kepada ajaran agama Islam, hal ini tidak sepatutnya berlaku. Wanita dipandang mulia dalam Islam. Wanita tidak harus dijadikan objek seks. Satu anjakan paradigma pada persepsi masyarakat Melayu harus dibuat iaitu dari status 'kuasa' ditukar kepada status 'tanggungjawab' agar kaum lelaki lebih menyedari betapa pentingnya peranan yang patut dimainkan oleh mereka demi kebaikan semua. Pendapat Mohd. Nor Ngah bahawa persepsi mengenai lelaki dan wanita dilentur oleh adat, agama dan kepercayaan harus diteliti. Ajaran agama harus dijunjung tetapi adat dan budaya Melayu yang sentiasa berpihak kepada lelaki harus diperhalusi agar wujud konsep saling melengkapi antara keduanya hingga melahirkan masyarakat hadhari yang diimpikan.

Rujukan

- Blackmore, D. 1992. *Understanding utterances*. Oxford: Blackwell.
- Che Husna Azhari,. 1993. Of bunga telur and bally shoes. Dalam *Melor in Perspective*.
Bangi: Furada Publishing House.
- Fatimah Busu. 2004. *Salam Maria*. Rawang: Absolute Press Sdn. Bhd.
- Fauziah Ashari. 2002. *Ombak rindu*. Shah Alam: Alaf 21.
- Gullick, J. M.. 1989. *Malay society in the late nineteenth century*. Singapore: Oxford University Press.
- Mohamed Mansur Abdullah. 1993. Konsep malu dan segan Orang Melayu berdasarkan Hikayat dan Cerita Melayu Lama. Dalam Abdul Halim Othman. *Psikologi Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Nor Ngah. 1985. Islamic world view of man, society and nature among the Malays in Malaysia. Dalam Mohd. Taib Osman. (pnyt.). *Malaysian world view*. Singapore: Institute of South East Asian Studies.
- Nor Hashimah Jalaluddin & Norsimah Mat Awal. 2005. WOMEN and manifestation of 'KUAT/STRONG' in popular novels: A cognitive semantics analysis. *Prosiding*

- SoLLs '05*. Pusat Pengajian Bahasa dan Linguistik, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Bangi, UKM .
- Nor Hashimah Jalaluddin, 2003. *Bahasa dalam perniagaan: satu analisis semantik dan pragmatik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1995. Bahasa jual beli dalam perniagaan runcit: Satu analisis teori relevans. *Tesis Ph.D.* Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Nor Hashimah Jalaluddin, 1998. Bahasa, kognisi dan sosialisasi: Satu pendekatan teori relevans. *Jurnal Dewan Bahasa* 42 (12).
- Nor Hashimah Jalaluddin. 2000. Seksis dalam peribahasa Melayu: Kajian pragmatik. Dalam Paitoon Chaiyanara. (pnyt.). *Ancangan pemingkas berdaya cipta Pengajian Melayu/Indonesia*. Thailand: Songkla.
- Norain Nordin. 2000. Bahasa seksis dalam peribahasa Melayu: Satu penerapan teori relevans. *Kertas Projek Sarjana*. Bangi, UKM.
- P. Ramlee. 1960an. *Anak bapak*. Singapura: Cathay Kris Film.
- P. Ramlee. 1969. *Keluarga 69*. Singapura: Cathay Kris Film.
- Rashila Ramli. 1998. Hikayat Abdullah: Pembelaan wanita di Timur? Dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramli. (pnyt.). *Kedudukan dan citra wanita dalam sumber-sumber tradisional Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Ruzy Suliza Hashim. 2003. From the Courts of Malacca to the Twin Towers of Petronas: Charting masculinities in Malaysian works. Dalam Ruzy Suliza Hashim & Ganakumaran. *Reclaiming place and space*. Bangi: UKM.
- Saliha Husin. 2005. *Pemburu mimpi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sharifah Zaleha Syed Hassan. 1998. Identiti dan citra wanita berasaskan Sejarah Melayu. Dalam Sharifah Zaleha Syed Hassan & Rashila Ramli. (pnyt.). *Kedudukan dan citra wanita dalam sumber-sumber tradisional Melayu*. Bangi: Institut Alam dan Tamadun Melayu.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986. Inference and implicature. Dalam Charles Travis. *Meaning and interpretation*. Oxford: Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1986a. *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Sperber, D. & Wilson, D. 1995 (2nd.edition). *Relevance: Communication and cognition*. Oxford: Basil Blackwell.
- Syed Adam Aljafri, 1996. The Curse. In *Reminiscences: A Collection of Short Stories*. Singapore: Heinemann Southeast Asia.

¹ Sebenarnya Islam telah lama mengiktiraf dan memuliakan wanita. Ini tidak disedari oleh gerakan feminine barat kerana kefahaman yang agak cetek mengenai Islam.

² Saya akan menyentuh sambil lalu sahaja kerana saya telah banyak membincangkan teori ini dalam tulisan-tulisan terdahulu terutama dalam *Jurnal Dewan Bahasa*.